

REFLEKSI 2011/2012



**MENGHUBUNGKAN RAKYAT
DAN MASYARAKAT**



Memperbaiki kehidupan individu, keluarga dan masyarakat yang memerlukan

MISI DAN TUMPUAN STRATEGIK

Tujuan dan misi Temasek Cares adalah untuk menyumbang kepada kesejahteraan, maruah dan kehidupan individu, keluarga dan masyarakat yang memerlukan di Singapura, melalui tumpuan berikut:

Membina Rakyat

Melalui sokongan bermaruah bagi individu dan keluarga dalam masa yang amat diperlukan.

Membina Keupayaan

Melalui pendidikan, latihan dan lain-lain inisiatif untuk meningkatkan peluang bagi kehidupan.

Membina Masyarakat

Melalui usaha memupuk keharmonian kaum dan agama dan menggalakkan pemahaman melalui budaya dan bahasa untuk memberi manfaat kepada yang kurang bernasib baik, miskin dan yang memerlukan.

Membina Semula Kehidupan

Melalui bantuan untuk peluang sekali lagi bagi, individu, keluarga atau masyarakat yang kurang bernasib.

KANDUNGAN

- 01 Sorotan Utama Tahun Kewangan 2011/2012
- 02 Amanat Pengerusi
- 04 Lembaga Pengarah
- 06 Program Kami
- 23 Analisis Pengurusan

SOROTAN UTAMA TAHUN KEWANGAN 2011/2012



\$ 3.33 juta

Jumlah Geran



3,750

Bilangan Penerima Bantuan



15

Bilangan Program

1,440

Kanak-kanak Kurang Upaya Pembelajaran dan Pembangunan

1,090

Ibubapa dan penjaga

375

Wanita dan Kanak-kanak yang didera

300

Orang yang Berpenyakit Mental

200

Warga Tua Uzur

185

Lain-lain

160

Orang yang Berkeperluan Khas (Pekerjaan)

AMANAT PENERUS

Dalam tahun ketiga kami beroperasi, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Temasek Cares (TC) telah menyediakan geran untuk membantu lebih 3,750 individu yang memerlukan dan kurang bernasib baik di Singapura. Lembaga Pengarah telah memberi sokongan kepada program-program yang meliputi rakyat kita yang menghadapi cabaran mental, kanak-kanak yang lambat pembelajarannya dan pembangunan mereka, wanita didera dan anak-anak mereka, dan warga tua uzur yang memerlukan rawatan jangka panjang.



Lebih Banyak Sokongan untuk yang Memerlukan.

Dalam tahun ketiga kami beroperasi, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Temasek Cares (TC) telah menyediakan geran untuk membantu lebih 3,750 individu yang memerlukan dan kurang bernasib baik di Singapura. Lembaga Pengarah telah memberi sokongan kepada program-program yang meliputi rakyat kita yang menghadapi cabaran mental, kanak-kanak yang lambat pembelajaran dan pembangunan mereka, wanita didera dan anak-anak mereka, dan warga tua uzur yang memerlukan rawatan jangka panjang. Secara keseluruhannya, kami telah menyediakan lebih daripada \$3.33 juta untuk membiayai 15 buah program, yang kebanyakannya adalah program perintis atau program baru.

Menghubungkan Rakan Kerja dan Masyarakat

TC terus memberi tumpuan kepada menghubungkan rakan kerjasama dan masyarakat untuk membantu golongan yang memerlukan. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa setakat ini, Temasek Cares – Projek SPARK, satu kerjasama berterusan antara TC dan kumpulan bantu diri (Chinese Development Council, Eurasian Association, Yayasan MENDAKI dan Singapore Indian Development Association), telah membantu lebih

daripada 475 orang ibu bapa keluarga tunggal untuk membina semula kehidupan mereka. Anak-anak mereka mendapat sokongan dalam penjagaan kanak-kanak dan pendidikan.

Melangkah ke hadapan, kami bekerjasama dengan Agency for Integrated Care (AIC) untuk mempertemukan rakan kerjasama utama dalam penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial untuk menyediakan penjagaan berasaskan masyarakat kepada individu yang menghadapi cabaran mental. Lebih ramai orang tua kita telah didiagnoskan sebagai menghidap penyakit Dementia, Alzheimer dan Kemurungan. Ramai juga orang dewasa muda adalah mangsa gejala kebimbangan dan gangguan berkaitan dengan tekanan. Lebih membimbangkan lagi, kajian terbaru menunjukkan bahawa ramai rakyat Singapura yang menghadapi cabaran mental tidak meminta untuk dibantu. Untuk membantu mengatasi jurang ini, Temasek Cares – iCommunity @ North telah dimulakan sebagai sebuah program perintis oleh AIC melalui kerjasama dengan Hospital Khoo Teck Puat, O'Joy Care Services dan Thye Hua Kwan Moral Society. Program 2-tahun ini menyediakan penjagaan masyarakat yang bersepadu untuk seramai 300 individu yang menghadapi cabaran mental dalam kawasan kejiranan Admiralty, Marsiling, Sembawang, Woodlands dan Yishun.

TC juga merintis program untuk menyediakan terapi equine (terapi kuda) kepada belia yang kurang bernasib baik dan berisiko. Equine Federation of Singapore (EFS) bekerjasama rapat dengan Sekolah Northlight dan Sekolah Assumption Pathway untuk

membina program terapi berstruktur bagi kemahiran sosial dan komunikasi untuk seramai 500 orang belia yang kurang bernasib baik. Dikenali sebagai EQUAL (Equine-Assisted Learning atau Pembelajaran Bantuan Equine), program ini adalah yang pertama seumpamanya di rantau ini.

Hasil daripada kerjasama ini, satu program pelengkap yang dikenali sebagai Temasek Cares – EQUATE (Equine-Assisted Training and Employment) telah dimulakan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan dalam industri equine bagi orang-orang yang berkeperluan khas. Di bawah program ini, EFS dan Association for Persons with Special Needs – Centre for Adults (Persatuan bagi Orang Berkeperluan Khas - Pusat Orang Dewasa) menyediakan latihan sambil bekerja untuk seramai 30 individu berkeperluan khas untuk bekerja sebagai kakitangan stable (kandang kuda) dan penjaga kawasan. Latihan ini menawarkan peluang-peluang pekerjaan di bidang yang baru untuk anak-anak kita yang berkeperluan khas.

Membantu yang terpinggir

TC juga mengambil berat untuk membantu individu, keluarga dan masyarakat yang berisiko terpinggir. Sebagai contoh, orang-orang yang menghadapi cabaran mental tidak akan datang ke hadapan kerana bimbang distigma. Kanak-kanak daripada keluarga pincang mungkin hidup susah dalam senyap. Wanita didera dan anak-anak mereka mungkin hidup dalam ketakutan dan putus asa.

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa kami telah dapat bekerjasama sebagai rakan kerja dengan Casa Raudha Women Home untuk membentuk satu program bagi membantu wanita didera dan anak-anak mereka. Rumah ini menyediakan tempat perlindungan bagi wanita yang menjadi mangsa keganasan keluarga dan yang memerlukan tempat perlindungan selamat sementara untuk mengukuhkan dan membina semula kehidupan mereka. Geran dari TC membolehkan Casa Raudha untuk memberi bantuan kaunseling dan kewangan

kepada seramai 375 orang wanita dan anak-anak mereka selama 2 tahun.

Peruntukan Endowmen

Saya amat berbesar hati melaporkan bahawa Endowmen Healthcare dan Special Needs dinamakan semula sebagai pengiktirafan sumbangan dua warga Singapura yang cemerlang. Sebanyak \$35 juta endowmen **Ee Peng Liang** diperuntukkan untuk sektor membina keupayaan bagi berkeperluan khas, yang berhidmat untuk orang-orang yang kurang upaya fizikal, deria dan intelektual. Program yang disokong termasuk anugerah pengajian bagi guru-guru intervensi awal dan ahli-ahli terapi serta sokongan pembelajaran untuk murid-murid yang berkeperluan khas.


Sebanyak \$35 juta endowmen **Balaji Sadasivan** memberikan tumpuan kepada membina keupayaan sektor penjagaan jangka panjang untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin menua. Program yang disokong termasuk anugerah pengajian untuk jururawat-jururawat dan ahli-ahli terapi serta 'ageing in place' (penuaan yang bertempat) dalam masyarakat.

Dana endowmen ini memberi penghormatan legasi sosial pada kedua-dua Dr Ee Peng Liang dan Dr Balaji Sadasivan.

Dalam Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua rakan-rakan kami yang telah bekerja keras untuk membantu TC mengenalpasti keperluan serta untuk membangun dan melaksanakan program. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan atas dedikasi dan sokongan mereka.

Yang Ikhlas



Richard Magnus
Pengerusi

LEMBAGA PENGARAH



Richard Magnus
Pengerusi



Pang Cheng Lian
Bendahari



Mohd Salleh Marican
Pengarah



Vemala K Rajamanickam
Pengarah



Goh Yong Siang
Pengarah



Benedict Cheong
Pengarah



Zainul Abidin Rasheed
Pengarah

Temasek Cares - iCommunity@North

Penjagaan masyarakat bersepadu bagi orang-orang yang menghadapi cabaran mental

Rakan Kerja: Agency for Integrated Care




Temasek Cares – iCommunity@North adalah sebuah program perintis yang menyediakan perkhidmatan sosial dan penjagaan kesihatan bersepadu berasaskan-masyarakat untuk orang-orang yang menghadapi cabaran mental. Program ini membolehkan para pelanggan untuk kekal dalam masyarakat, dengan kurang bergantung pada rawatan hospital atau pesakit jagaan dalam.

Keadaan mental seperti demensia dan kemurungan menjadi lebih lumrah apabila penduduk kita menua (lihat Carta 1). Untuk menangani keperluan yang meningkat ini, Agency for Integrated Care (AIC) telah menempatkan bersama rangkaian kesihatan mental yang menyediakan penjagaan bersepadu dan berpusatkan-manusia bagi orang-orang yang bercabaran mental.

Rangkaian ini terdiri daripada pelbagai agensi dari perkhidmatan sosial, penjagaan kesihatan dan masyarakat. Mereka menyediakan perkhidmatan melalui sistem sokongan yang sedia ada termasuk pusat aktiviti orang tua, pusat perkhidmatan keluarga, pusat kesihatan, doktor-doktor umum dan hospital. Perkhidmatan ini meliputi kesinambungan penjagaan dari pendidikan, pencegahan, pengenalan awal, intervensi dan tindakan susulan kepada sokongan rumah.

Pelaksanaan rangkaian bersepadu kesihatan mental yang baru dijangka akan mengambil masa lima tahun. Fasa pertama disokong oleh Temasek Cares dan dilaksanakan oleh AIC menerusi kerjasama dengan Hospital Khoo Teck Puat, O'Joy Care Services dan Thye Hua Kwan Moral Society.



Jumlah Masa Hidup Kurang Upaya Yang Diubah Pada Tahun 2007 = 393,229

Carta 1: Beban Penyakit Singapura

(Sumber: Beban Penyakit Singapura Kajian 2007)

Temasek Cares – iCommunity@North terdiri daripada dua program intervensi dan jangkauan: COMIT (Community Mental Health Intervention Team) dan CREST (Community Outreach and Support Team).

COMIT menyediakan sokongan terapi dan kaunseling didalam masyarakat dan diketuai oleh pakar kesihatan bersekutu termasuk para jururawat, kaunselor dan pekerja sosial perubatan. Pasukan ini memberi khidmat kepada pesakit yang menghadapi cabaran mental, yang berbentuk biasa hingga sederhana yang dinilai sebagai berkemampuan untuk hidup dalam masyarakat dengan beberapa intervensi.

CREST menyediakan jangkauan, pendidikan dan sokongan emosi kepada para pelanggan dan para penjaga. Program ini memainkan peranan penting dalam pencegahan dan pegasanan awal.

Program iCommunity@North dijangka memberi khidmat pada seramai 300 orang pelanggan dalam masa dua tahun.



Gambar disediakan oleh: AIC

Program Kesihatan Mental yang lain disokong oleh Temasek Cares:

YOUTHREACH

YouthReach telah dimulakan pada tahun 2006 oleh Singapore Association for Mental Health sebagai reaksi kepada kekurangan sokongan berdasarkan-masyarakat untuk kanak-kanak dan belia yang menghadapi cabaran mental. Walaupun mereka menghadapi cabaran mental, belia-belia ini mempunyai keupayaan untuk disatukan kembali bersama keluarga mereka dan dapat berfungsi dengan berkesan dalam masyarakat. Dengan sokongan Temasek Cares, YouthReach membantu seramai 80 orang belia dan keluarga mereka setiap tahun.

TEMASEK CARES – EMPLOYMENT SUPPORT SERVICES (ESS)

Program Temasek Cares-ESS dapat membantu orang-orang yang menghadapi cabaran mental untuk menangani pelbagai cabaran yang mereka hadapi dalam mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan. Program ini menyediakan pakar pekerjaan untuk membantu pelanggan mencari pekerjaan yang paling sesuai dengan minat, kebolehan dan keadaan mereka. Sokongan juga diperluaskan untuk membantu pelanggan melaksanakan tugas mereka dengan berkesan dan kekal dalam pekerjaan. Program ini dikendalikan oleh Singapore Angliyan Community Services dan telah mejangkau kepada lebih daripada 100 orang pelanggan setahun.

EQUAL (Pembelajaran Bantuan - Equine)

Membantu belia yang kurang bernasib baik untuk mempelajari kemahiran hidup melalui terapi equine (terapi menunggang kuda)

Rakan Kerja: Equestrian Federation of Singapore



EQUAL merupakan satu program perintis oleh Equestrian Federation of Singapore (EFS) yang menyediakan terapi equine untuk para belia yang kurang bernasib baik. Program ini juga menyediakan laluan vokasional baru untuk para belia yang berminat dalam mengendalikan kuda sebagai satu kerjaya.

Inspirasi bagi program ini datangnya dari sebuah sekolah tempatan yang menghantar beberapa orang pelajarnya yang mempunyai tingkah laku mencabar untuk pelajaran menunggang kuda. Pelajar-pelajar itu serasi dengan kuda-kuda, berasa bertanggungjawab terhadap mereka dan berkongsi masalah mereka dengan rakan-rakan equine mereka. Pelajar-pelajar itu menunjukkan peningkatan dalam disiplin, keyakinan, dan kadar kehadiran di sekolah. Pengetua sekolah itu berkata: "Ada seorang budak lelaki yang, selepas menunggang kuda yang berperangai, mengatakan bahawa dia kini memahami bagaimana perasaan guru-gurunya apabila dia tidak mematuhi arahan mereka."

Dengan sokongan Temasek Cares, EQUAL telah ditubuhkan sebagai program berstruktur untuk memberi tumpuan kepada potensi pemulihan dan potensi terapeutik kuda bagi para belia yang kurang bernasib baik. Walaupun para belia ini belajar tentang menunggang kuda dan pengurusan stable (kandang), tujuan sebenarnya adalah untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran sosial, berkomunikasi dan kemahiran hidup yang lain melalui berinteraksi dengan kuda-kuda. Pakar-pakar pembelajaran memerhatikan dan membimbing belia-



Gambar disediakan oleh: EFS

belia ini, termasuk mengikuti kemajuan mereka. Penyelidikan dijalankan untuk mengukur keberkesanan program ini secara objektif.

EQUAL memenuhi keperluan lebih daripada 500 orang belia setahun yang berumur antara 13 dan 18 tahun dari Sekolah Northlight dan Sekolah Assumption Pathway. Program perintis ini berjalan selama tiga tahun dan dibiayai bersama oleh Temasek Cares, TrailBlazer Foundation dan T-Touch.

TrailBlazer Foundation adalah sebuah badan amal berdaftar yang bertujuan untuk menyanjung mereka yang membuka jalan baru dengan menyokong mereka-mereka yang boleh membuat perbezaan dalam kehidupan keluarga dan sesama insan. T-Touch adalah satu inisiatif yang dimulakan oleh kakitangan Temasek yang menyumbang kepada masyarakat menerusi kesukarelawanan dan derma.

Kurikulum EQUAL

Dalam **Pengurusan Stable** (Kandang Kuda), para pelajar diajar untuk mendandan dan memberi makan kepada kuda mereka serta membersihkan atau "muck out" kandang kuda. Penekanannya adalah terhadap usaha mewujudkan dan memupuk rasa tanggungjawab, penjagaan dan perasaan belas ihsan mereka terhadap haiwan yang mereka jaga. Para pelajar mempelajari cara untuk membersihkan, memasang dan menyarungkan kekang dan pelana kuda yang mana semuanya memerlukan fokus, kecekalan dan kemahiran ingatan.

Dalam bahagian **Menunggang**, para pelajar bergilir-gilir menunggang, memandu dan mengarahkan kuda. Mereka ditunjukkan cara yang selamat untuk menaiki kuda mereka, berjalan ke hadapan, memandu kiri atau kanan, berhenti dan turun. Tumpuannya di sini adalah pada kerja berpasukan dan komunikasi yang jelas.

Dalam **Terapi Kuda**, para pelajar berinteraksi dengan kuda ketika cuba untuk menyelesaikan cabaran tertentu. 'Permainan' berstruktur ini direka untuk merangsang teknik menghuraikan masalah secara kreatif, sambil mengasah keupayaan individu untuk berkomunikasi secara berkesan, mengikuti arahan dengan tepat, mengurus desakan hati dan berusaha berterusan untuk berjaya.

Temasek Cares – EQUATE (Latihan dan Pekerjaan Bantuan-Equine)

Mewujudkan peluang pekerjaan baru untuk orang-orang yang berkeperluan khas

Rakan Kerja: Equestrian Federation of Singapore dan Association for People with Special Needs – Centre for Adults

Temasek Cares – EQUATE (Latihan dan Pekerjaan Bantuan-Equine) adalah sebuah program perintis oleh Equine Federation of Singapore (EFS) dan Association for People with Special Needs – Centre for Adults (APSN CFA) yang menyediakan peluang pekerjaan untuk orang-orang yang berkeperluan khas. Program ini meletakkan seramai 30 orang-orang yang berkeperluan khas dalam kerjaya berkaitan-equine seperti kakitangan stable, hiasan, penjaga kawasan tanah dan krew penyelenggaraan.

Di bawah program itu, pekerja-pekerja baru diberi latihan dan sokongan untuk memahami tanggungjawab pekerjaan mereka dan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang baru. Jurulatih dari APSN CFA bekerja bersama-sama penyelia kerja dari EFS untuk membentuk semula proses pekerjaan dan untuk membantu pekerja membuat peralihan ketempat kerja. Mereka juga dibekalkan dengan latihan kemahiran menerusi gabungan latihan dalam kerja dan sesi bilik darjah.

Sebagai sebahagian daripada program perintis, APSN CFA dan EFS akan menyediakan pedagogi latihan untuk kerjaya berkaitan-equine untuk orang-orang yang berkeperluan khas. Jika program perintis ini berjaya, pedagogi latihan akan diperluaskan kepada lebih banyak institusi-institusi latihan. Ini akan membantu membina laluan vokasional yang baru untuk para pelajar yang berminat untuk bekerja dengan kuda. Temasek Cares kini menyokong



Gambar disediakan oleh: EFS, APSN CFA

program EQUATE bagi kos latihan dan pembangunan pedagogi latihan. Program ini adalah pelengkap kepada program EQUAL yang menyediakan terapi equine kepada belia-belia yang kurang bernasib baik.

Perkhidmatan Perlindungan Krisis untuk Wanita dan Kanak-kanak Didera

Menyediakan penginapan selamat untuk wanita-wanita yang didera dan anak-anak mereka

Rakan Kerja: Casa Raudha Women Home



Casa Raudha Women Home adalah tempat perlindungan krisis yang menyediakan penginapan selamat yang sementara untuk wanita-wanita yang didera dan anak-anak mereka yang tiada tempat tinggal. Program ini mengeluarkan wanita-wanita yang didera dan anak-anak mereka dari sumber penderaan yang terdekat dan membantu mereka untuk mencari pilihan bagi membina semula kehidupan mereka.

Dalam tempat perlindungan ini, para penghuni diberikan kaunseling untuk menangani trauma emosi mereka, sokongan kewangan untuk perbelanjaan sara hidup dan nasihat mengenai hak dan pilihan mereka. Mereka juga dihubungkan kepada program jangka panjang yang dapat membantu mereka dengan latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan. Sebagai contohnya ialah program Temasek Cares – Projek SPARK untuk keluarga ibu atau bapa tunggal.

Casa Raudha Women Home adalah rumah perlindungan baru yang telah mengambil pengambilalihan pertamanya pada awal 2012. Ia menampung keperluan wanita yang berusia antara 21 dan 60 tahun. Anak-anak wanita itu dibenarkan bersama jika mereka adalah anak perempuan yang berumur di bawah 21 tahun atau kanak-kanak lelaki berusia di bawah 12 tahun. Rumah ini hanya dibuka kepada warga Singapura dan penduduk tetap. Penghuni dijangkakan untuk meneruskan kehidupan diluar tempat perlindungan dalam tempoh 3-4 bulan. Walaupun para pelanggan dikenakan bayaran yang bersubsidi, bantuan kewangan tambahan disediakan bagi yang memerlukan bantuan.

Temasek Cares kini menyokong program untuk membantu seramai 375 orang wanita yang didera dan anak-anak mereka selama dua tahun.



Gambar disediakan oleh: Casa Raudha Women Home

Membina Keupayaan dan Kemampuan Pusat-Pusat Pemulihan Hari Melalui Terapi Bantuan Teknologi

Membina keupayaan sektor penjagaan jangka panjang melalui teknologi

Rakan Kerja: Singapore Polytechnic dan Agency for Integrated Care

Temasek Cares, Agency for Integrated Care (AIC) dan Singapore Polytechnic (SP) telah bergabung usaha untuk bantu membina keupayaan pusat-pusat pemulihan hari (DRCs). Kerjasama ini bertujuan untuk membangun dan uji (test-bed) pelbagai teknologi yang inovatif yang akan meningkatkan kecekapan operasi pusat-pusat pemulihan dan memperbaiki hasil klinikal untuk pesakit.

Empat projek dalam program perintis ini ialah:

- Alat Manipulator Dua Hala Anggota Badan.
- Sistem Projeksi Lantai untuk "Functional Gait" dan Latihan Imbangan.
- Permainan Realiti yang Diperbesar untuk Terapi.
- Latihan Pengamatan (Kognitif) Berasaskan Komputer

Alat-alat ini adalah berdasarkan pengetahuan teknologi yang sedia ada di SP dan yang perlu dibangunkan dan diuji di peringkat masyarakat. Inovasi ini telah diuji di dua DRC, iaitu St. Andrew's Community Hospital dan AWWA READYCARE Centre. Pusat-pusat ini telah dipilih kerana lokasi mereka yang terletak di dalam kawasan hospital masyarakat dan estet kejiranan.

DRC menyediakan perkhidmatan seperti fisioterapi dan terapi pekerjaan kepada para pesakit yang sedang pulih dari strok, patah tulang dan keadaan lain yang menjejaskan fungsi pergerakan mereka. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memulih, memperbaiki dan mengelakkan kemerosotan



Permainan realiti yang diperbesar dan peralatan latihan pengamatan berasaskan komputer membolehkan pesakit menjalani aktiviti pengamatan dan tingkah laku yang lebih luas di DRC. Peralatan-peralatan baru ini menyediakan terapi yang lebih merangsang dan mendorong dan yang boleh dikhususkan untuk keperluan individu. Ini membawa kepada hasil klinikal yang lebih baik, terutamanya dalam peningkatan pengamatan dan tingkah laku.

keupayaan berfungsi bagi orang-orang yang lebih tua melalui senaman dan program latihan khusus. Ahli terapi sedia ada untuk memberi kaunseling dan melatih penjaga untuk menjaga pesakit di rumah.

Amalan pemulihan semasa di kalangan masyarakat adalah giat buruh. Ahli-ahli terapi perlu secara peribadi memastikan yang plan penjagaan individu dipatuhi dan dilaksanakan dengan betul. Terdapat juga keperluan bagi lebih banyak aktiviti-aktiviti yang memberi tumpuan pada terapi pengamatan dan tingkah laku.

Alat-alat pemulihan baru berautomasi tinggi dan diprogramkan untuk respon kepada keperluan terapeutik setiap pelanggan secara individu. Tahap pengkhususan dan automasi yang tinggi membolehkan ahli terapi untuk berkhidmat kepada lebih ramai pesakit tanpa menjejaskan hasil klinikal. Daripada terapi 1-ke-1 (perseorangan) yang diperlukan atas satu sesi biasa untuk 1-1.5 jam, nisbah 1-ke-2 orang berpotensi dapat dicapai untuk beberapa aktiviti. Ini merupakan peningkatan yang ketara dalam kecekapan beroperasi.

Program perintis usaha Temasek Cares ini berjalan selama tiga tahun dan berkhidmat untuk seramai 200 penerima bantuan. Jika berjaya, program ini akan diperluaskan kepada lebih banyak DRC di seluruh Singapura.



Gambar disediakan oleh: AIC, SP

Peralatan manipulator anggota badan dua hala dan sistem projeksi lantai membolehkan pesakit menjalani terapi fizikal tanpa pengawasan langsung dari ahli terapi. Alat-alat ini dapat membimbing pengguna untuk melaksanakan aktiviti tersebut dengan betul dan memberi maklum balas secara langsung. Sesi ini juga direkodkan supaya ahli terapi atau pembantu boleh menilai keputusan dan menjejaskan kemajuan pesakit.

Sekolah Northlight

Penglibatan Ibu Bapa

Membantu para pelajar yang kurang bernasib baik untuk membina ikatan kekeluargaan

Sekolah Northlight menganjurkan banyak aktiviti untuk membantu para pelajar membina ikatan kekeluargaan, terutama mereka yang datang dari persekitaran rumah yang mencabar. Tahun lepas, sekolah ini telah menganjurkan sesi jamuan teh bersama ibu bapa membincangkan kemajuan akademik anak-anak mereka dan telah mengadakan kem tahunan yang menghimpunkan ibu bapa dan anak-anak mereka.

Pihak Sekolah rasa amat terdorong oleh penglibatan bersemangat ibu bapa dan maklum balas positif yang diterima. Ia sedang meningkatkan programnya untuk melibatkan lebih ramai ibu bapa dengan melantik seorang **Penyelaras Ibu Bapa** yang berdedikasi.

Dengan penyelarasa sepenuh masa, pihak sekolah berupaya menganjurkan lebih banyak aktiviti yang



Gambar disediakan oleh: Northlight School

mengeratkan serta membantu keluarga-keluarga dengan masalah yang mereka mungkin hadapi di rumah. Ini dapat membantu untuk membebaskan guru-guru supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada keperluan pendidikan dan perkembangan kanak-kanak. Temasek Cares sedang menyokong program lanjutan untuk membantu seramai 500 orang ibu bapa dalam tempoh dua tahun.

Menyokong Para Pelajar yang Memerlukan Bantuan Pembelajaran

Membantu para pelajar yang memerlukan bantuan pembelajaran untuk menangani kurikulum mereka

Sekolah Northlight melancarkan program perintis tahun lalu untuk membantu pelajar yang memerlukan bantuan pembelajaran untuk lebih memahami kurikulum sekolah. Dengan sokongan Temasek Cares, pihak sekolah telah ambil bekerja dua orang sebagai jurulatih literasi (celek huruf) untuk membantu para pelajar meningkatkan penguasaan bacaan mereka. Bagi mereka yang memerlukan bantuan pembelajaran yang tinggi, pihak sekolah kini mendapatkan khidmat ahli-ahli terapi pertuturan dan pekerjaan untuk melatih bahasa dan kemahiran motor mereka. Di samping itu, guru-guru juga dilatih oleh seorang pakar untuk menguruskan dengan lebih baik pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan pembelajaran dan sumber dengan lebih banyak alat bantuan.

Memandangkan hasil positif daripada program perintis, Temasek Cares melanjutkan sokongan bagi program ini selama dua tahun lagi untuk membantu seramai

Sekolah Assumption Pathway

180 orang para pelajar dan melatih seramai 104 orang guru.

Sokongan Berterusan untuk Para Graduan

Membantu para graduan untuk membuat peralihan ke tahap seterusnya

Sekolah Northlight dengan aktifnya menyokong graduan mereka untuk membuat peralihan ke akademik atau persekitaran pekerjaan yang baru. Tahun lepas, sekolah itu telah menganjurkan kelas-kelas malam, ceramah motivasi dan sesi berkumpulan untuk para graduan mereka bagi menggalakkan perkongsian dan pembelajaran. Satu majlis sambutan kepulangan telah juga diadakan bagi alumni untuk mereka kembali berhubung dengan kawan-kawan dan guru-guru mereka.

Sekolah Northlight memberi sokongan pada alumni dengan mengambil seorang **Penyelaras Urusan Alumni** yang berdedikasi. Dengan penyelaras sepenuh masa, sekolah ini berhasrat untuk mengawasi secara aktif kemajuan graduan mereka dan menawarkan sokongan bila perlu. Misalnya, pihak sekolah telah bekerjasama dengan sebuah organisasi kebajikan sukarela untuk membantu graduannya mencari pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan mereka. Lebih banyak aktiviti juga telah dirancang untuk melibatkan alumni dan untuk menggalakkan pembelajaran yang berterusan.

Temasek Cares sedang menyokong program lanjutan untuk membantu seramai 500 orang alumni dalam masa dua tahun.

Menyokong Para Pelajar yang Memerlukan Bantuan Pembelajaran

Membantu para pelajar yang memerlukan bantuan pembelajaran untuk mengendalikan kurikulum mereka

Sekolah Assumption Pathway menubuhkan satu program perintis untuk setahun bagi membantu para pelajar yang memerlukan bantuan pembelajaran dan pembangunan untuk mengendalikan kurikulum mereka. Di bawah program ini, pihak sekolah membina sendiri keupayaannya dalam menyokong pembelajaran dengan mengambil jurulatih literasi dan pakar psikologi pendidikan. Ia juga menyediakan latihan untuk guru-guru yang sedia ada dan meluaskan rangkaian alat diagnostik dan sumber pembelajaran. Ramai para pelajar telah mendapat manfaat daripada program ini. Para pelajar yang rendah kemahiran



Sekolah Assumption Pathway

literasinya telah mengambil bahagian dalam program 'tarik-keluar' berasingan yang dibimbing oleh jurulatih literasi. Kelas-kelas 'tarik-keluar' membantu pembacaan dan kemahiran bahasa mereka. Sebuah kelas keperluan khas juga telah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan para pelajar yang memerlukan bantuan pembelajaran dan pembangunan yang lebih kritikal. Setakat ini, maklum balas daripada guru-guru dan ibu bapa amat menggalakkan.

Temasek Cares telah menyokong lanjutan program ini untuk masa 12 bulan lagi demi memberi manfaat kepada seramai 120 orang pelajar.



Gambar disediakan oleh: Assumption Pathway School

Menyediakan Kerja Sosial Keluarga Membantu pelajar dari keadaan rumah yang mencabar untuk berjaya

Ramai pelajar yang menunjukkan tingkah laku yang berisiko yang datang dari persekitaran rumah yang mencabar. Selalunya, kurang motivasi dan kadar kehadiran yang rendah boleh dikaitkan dengan isu-isu kekeluargaan.

Untuk meningkatkan keupayaan sekolah bagi membantu pelajar secara menyeluruh, pihak sekolah menubuhkan satu program bagi menyediakan kerja sosial keluarga untuk keluarga pincang. Sekumpulan pekerja sosial bekerja rapat dengan para pelajar berisiko dan keluarga mereka. Mereka memberi sokongan kepada kaunselor sekolah yang sedia ada dan guru-guru, supaya mereka ini dapat memberi tumpuan yang lebih baik kepada keperluan akademik, sosial dan emosi pelajar.

Pekerja-pekerja sosial keluarga menilai keperluan keluarga, menyediakan kaunseling dan hubungkan keluarga pada skim bantuan dan program sedia ada. Mereka bertindak sebagai pegawai-pegawai kes dengan hasil yang dikehendaki untuk menyediakan suasana kekeluargaan yang selamat dan sesuai bagi pelajar.

Temasek Cares kini menyokong program perintis untuk membantu seramai 90 buah keluarga selama dua tahun.

Perkhidmatan Sokongan Pekerjaan untuk Graduan Sekolah Metta

Membantu Graduan Metta mencari dan mengekalkan pekerjaan terbuka

Rakan Kerja: Metta Welfare Association



Ditubuhkan pada tahun 2001, Sekolah Metta menawarkan pendidikan khas kepada kanak-kanak berumur antara 7 dan 18 tahun yang didiagnos dengan ketidakupayaan intelek sederhana dan/atau gangguan spektrum autisme sederhana. Di bawah program dua tahun Metta-ITE Skill Certification (ISC), kursus vokasional ITE yang diiktiraf dalam bidang baking, penyediaan makanan dan pengemasan bilik ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang layak yang berumur 17 tahun ke atas.

Pelajar Sekolah Metta yang mendapatkan pengesahan ISC mereka mempunyai prospek pekerjaan yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, beberapa

graduan tidak dapat mengekalkan pekerjaan mereka kerana pelbagai sebab, seperti kurang kemahiran sosial, ketidakupayaan untuk menyesuaikan diri di tempat kerja, pengaruh negatif, dan sebagainya. Graduan ini memerlukan bantuan untuk menghadapi cabaran di tempat kerja mereka serta latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka. Graduan yang menganggur juga memerlukan bantuan untuk penempatan pekerjaan.

Program yang baru menyediakan perkhidmatan sokongan pekerjaan untuk graduan Metta dalam bidang penempatan pekerja, kaunseling dan kursus peningkatan kemahiran. Sepasukan pegawai kaunseling dan pegawai penempatan pekerjaan mengikuti kemajuan para graduan selama lima tahun dengan matlamat membantu mereka bagi mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan terbuka. Temasek Cares kini menyokong program untuk membantu seramai 130 graduan dalam tempoh dua tahun.



Gambar disediakan oleh: Metta Welfare Association

Education Trust Fund / Temasek Cares – Bimbingan Akademik dan Kemahiran Hidup

**Membantu pelajar ITE Melayu / Islam
berjaya dalam pelajaran**

Rakan Kerja: Yayasan MENDAKI

Program Education Trust Fund/Temasek Cares – Bimbingan Akademik dan Kemahiran Hidup telah ditubuhkan pada tahun kewangan 2009/2010 untuk menyokong pelajar Melayu/Islam di Institut Pendidikan Teknikal (ITE). Program ini telah di perintiskan untuk membantu para pelajar memperbaiki prestasi akademik mereka dan memberi motivasi kepada mereka untuk mendapatkan sijil NITEC dan Higher NITEC mereka.

Sejumlah 57 orang para pelajar telah dipilih dari pelbagai kolej ITE untuk menyertai program ini. Para pelajar datang dari latar belakang yang menghadapi kesempitan kewangan atau yang memerlukan lebih sokongan akademik. Di bawah program ini, seorang jurulatih terlatih telah disediakan untuk setiap dua orang pelajar supaya setiap pelajar mendapat perhatian yang optimum. Di samping memberi sokongan akademik, jurulatih juga berkhidmat sebagai model teladan, rakan dan paling penting, seorang mentor.

Semua pelajar daripada kumpulan perintis dapat menyelesaikan pengajian NITEC dan Higher NITEC mereka. Temasek Cares memberi sokongan untuk program mentor bagi setahun lagi untuk membantu seramai 150 orang para pelajar.

Temasek Cares – IMPACTT (Melibatkan dan Mendorong Ibu Bapa dan Penjaga Melalui Latihan)

**Membantu ibu bapa dan penjaga untuk
membentuk tingkah laku yang lebih baik
dalam diri anak-anak mereka yang perlukan
bantuan pembangunan diri**

Rakan Kerja: Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK



Gambar disediakan oleh: KKH

Temasek Cares – program IMPACTT telah dilancarkan pada Januari 2011 oleh Hospital Wanita dan Kanak-kanak KK (KKH) untuk membantu ibu bapa menguruskan dengan lebih baik tingkah laku anak-anak mereka yang perlukan bantuan pembangunan. Pembiayaan dari Temasek Cares membolehkan ibu bapa dari seramai 500 orang kanak-kanak yang berada dalam pusat EIPIK (Program Intervensi Awal untuk Bayi dan Kanak-kanak) untuk menjalani enam sesi latihan di Signposts, satu program latihan penjaga yang dibangunkan oleh Parenting Research Centre of Australia.



Program ini telah segera mendapat penerimaan ibu bapa. Hasil penilaian awal menunjukkan bahawa keluarga yang melalui program ini melaporkan peningkatan dalam tingkah laku anak-anak mereka. Ibu bapa dan penjaga juga kurang mengalami tekanan dan berasa lebih mampu menguruskan tingkah laku anak-anak mereka.

Untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi tempat latihan di bawah penjagaan Temasek Cares – IMPACTT, KKH sedang memperluaskan program untuk menyertakan lebih ramai ibu bapa untuk tahun 2012 dan 2013. Dengan sokongan dana dari Temasek Cares, ibu bapa bagi kanak-kanak yang perlukan bantuan pembangunan yang berada di sekolah-sekolah Pendidikan Khas, pra-sekolah dan pusat-pusat bukan-EIPIC yang lain, kini boleh mendaftarkan diri untuk latihan. Dengan menyertakan ibu bapa bagi kanak-kanak yang merangkumi usia 3-15 tahun, KKH akan lebih berupaya untuk mengumpul data untuk membantunya membina program latihan setempat dan program berdasarkan bukti untuk para penjaga.

Program Temasek Cares – IMPACTT melengkapkan inisiatif-inisiatif lain oleh Temasek Cares untuk menyokong kanak-kanak yang berkeperluan khas termasuk program Temasek Cares – Terapi Outreach untuk Prasekolah (TOPPS) dan Temasek Cares – Projek Membina Keupayaan untuk yang ada keperluan khas.

Organisasi dengan Pengamal Signposts:

Pada 1 April 2012

- Asian Women's Welfare Association
- Association for Early Childhood Educators (Singapore)
- Association for Persons with Special Needs
- Autism Association (Singapore)
- Autism Resource Centre (Singapore)
- Child Development Unit, National University Hospital
- Department of Child Development, KK Women's and Children's Hospital
- Fei Yue Community Services
- Metta Welfare Association
- Morning Star Community Services
- NTUC First Campus
- PAP Community Foundation
- Rainbow Centre
- Society for the Physically Disabled
- Society of Moral Charities
- Spastic Children's Association of Singapore

Temasek Cares – Projek Membina Keupayaan Healthcare

Sektor Membina Keupayaan Rawatan Pertengahan dan Jangka Panjang (ILTC)

Rakan Kerja: Agency for Integrated Care

Temasek Cares – Projek Membina keupayaan Healthcare telah ditubuhkan pada tahun 2010 untuk membantu sektor penjagaan jangka panjang bagi memenuhi keperluan penduduk yang meningkat tua dengan cepat. Ditadbirkan oleh Agency for Integrated Care (AIC), sebanyak 20 buah anugerah kajian telah ditawarkan untuk menyokong para pelajar yang mengikuti diploma dalam fisioterapi, terapi pekerjaan dan kejururawatan serta kejururawatan di bawah program National Institute of Technical Education Certificate (NITEC). Penerima telah dipilih berdasarkan prestasi akademik mereka, khidmat masyarakat dan keghairahan mereka untuk berkhidmat dalam sektor penjagaan jangka panjang. Setelah tamat pengajian, mereka akan bekerja di institusi yang menyediakan penjagaan jangka panjang seperti hospital masyarakat, rumah kejururawatan, pusat-pusat pemulihan, dan pusat hospis.

Memandangkan sambutan yang menggalakkan, Temasek Cares melanjutkan sokongan untuk program ini dengan geran baru bagi tahun akademik 2012. Anugerah pengajian yang lebih telah disediakan untuk para pelajar yang berlatih untuk menjadi ahli terapi dan jururawat. Anugerah pengajian juga telah disediakan untuk pelajar di Institute of Technical Education (ITE) yang mengikuti NITEC mereka dalam jurusan kejururawatan. Bersama-sama, anugerah-anugerah ini membantu untuk menyumbang kepada usaha berterusan untuk mengukuhkan keupayaan tenaga manusia dalam sektor penjagaan jangka panjang.

Untuk butiran lanjut mengenai pelbagai anugerah dan maklumat hubungan, sila rujuk ke laman web AIC Learning Institute di (www.aic-learn.sg).

Penerima-penerima anugerah bagi Tahun Akademik 2011

Aw Hui Zhen

Diploma dalam Fisioterapi, Nanyang Polytechnic

Goh Pei Qi

Diploma dalam Terapi Pekerjaan, Nanyang Polytechnic

Hazwani binte Yazid

Diploma dalam Kejururawatan, Nanyang Polytechnic

Owl Poh Choo

Diploma dalam Kejururawatan, Nanyang Polytechnic

Tan Choon Kiat Galvin

Diploma dalam Terapi Pekerjaan, Nanyang Polytechnic

Tan Wei Liang

Diploma dalam Fisioterapi, Nanyang Polytechnic

Jawatankuasa pemilihan

(1 Mei 2011 - 30 April 2012)

Cik Lynda Soong (Pengerusi)

Ketua, Community Care Development Division, Agency for Integrated Care

Encik Chan Wah Tiong (Pengerusi Gantian)

Pengarah, Community Care Development Division, Agency for Integrated Care

Cik Aw Thong Lin

Pensyarah, School of Health Sciences, Ngee Ann Polytechnic

Cik Philomena Liew Meng Moi

Penolong Pengarah Kejururawatan, Changi General Hospital

Dr Lim Boon Whatt

Pengerusi Penyelidikan, Singapore Physiotherapist Association

Cik Antoinette Sabapathy

Timbalan Pengarah (Kejururawatan), Nanyang Polytechnic

Cik Mae Tang Sheue Yin

Pengurus Covering Course / Ketua Seksyen, Nursing Department, School of Applied and Health Sciences, Institute of Technical Education

Encik Tay Wei Sem

Timbalan Pengarah, Health Sciences & Course Manager, Allied Health, Institute of Technical Education

Temasek Cares – Projek Pembangunan Keupayaan yang Berkeperluan Khas

Sektor Pembangunan Keupayaan untuk yang berkeperluan khas

Rakan Kerja: National Council of Social Service

Sektor berkeperluan khas memberi khidmat untuk orang-orang yang kurang keupayaan dari segi perkembangan, intelektual, fizikal, deria atau pelbagai ketidakupayaan. Dengan kesedaran yang lebih besar dan diagnosis yang lebih baik, lebih banyak kanak-kanak di Singapura telah didiagnos kurang upaya pada usia yang sangat awal. Ini telah mengakibatkan permintaan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan intervensi awal dan oleh itu ada keperluan yang lebih untuk ahli-ahli terapi dan guru-guru intervensi (bantuan) awal.

Pada tahun akademik 2011, Temasek Cares – Pembangunan Keupayaan untuk yang Berkeperluan Khas telah menawarkan anugerah kajian kepada pelajar-pelajar yang berlatih untuk menjadi ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan guru intervensi awal. Setelah tamat pengajian, para penerima anugerah akan berkhidmat di agensi-agensi perkhidmatan sosial seperti Special Education Schools dan Early Intervention Centres. Anugerah yang diberi di bawah projek itu telah mendapat sambutan bersemangat dan telah memainkan peranan yang penting dalam mengisi keperluan tenaga kerja sektor perkhidmatan sosial. Bagi tahun akademik 2012, Temasek Cares meningkatkan pembiayaan untuk projek itu. Anugerah kajian yang lebih telah disediakan termasuk anugerah baru untuk mereka yang berlatih untuk menjadi ahli terapi pertuturan.

Program ini ditadbirkan oleh National Council of Social Service (NCSS). Untuk maklumat lanjut mengenai anugerah, termasuk maklumat hubungan, sila rujuk ke laman web NCSS di www.ncss.org.sg.

Penerima anugerah bagi Tahun Akademik 2011

Bamashankari D/O Saseendran

Diploma dalam bidang Psikologi Kanak-kanak dan Pendidikan Awal, Ngee Ann Polytechnic

Jacky Goh

Diploma dalam Fisioterapi, Nanyang Polytechnic

Koh Shi-Mei Amber

Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Ngee Ann Polytechnic

Lie Ying Ying Eloise

Diploma dalam Terapi Pekerjaan, Nanyang Polytechnic

Nur Famiela Bte Sedek

Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Ngee Ann Polytechnic

Tessa Rim Shi Hui

Diploma dalam bidang Psikologi Kanak-kanak dan Pendidikan Awal, Ngee Ann Polytechnic

Salmah Bte Mohamed Harris

Diploma dalam bidang Psikologi Kanak-kanak dan Pendidikan Awal, Ngee Ann Polytechnic

Tan Jie Ying Pauline

Diploma dalam Terapi Pekerjaan, Nanyang Polytechnic

Teng Cher Wei

Diploma dalam Fisioterapi, Nanyang Polytechnic

Yin Yun Yi

Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Ngee Ann Polytechnic

Jawatankuasa Pemilihan

Wakil-wakil dari:

- Ngee Ann Polytechnic
- National Council of Social Service (NCSS)
- Society for the Physically Disabled (SPD)
- Temasek Cares

DEDIKASI ENDOWMEN

Penamaan semula endowmen yang sedia ada sebagai Endowmen Ee Peng Liang dan Endowmen Balaji Sadasivan.

Untuk memperingati ulang tahun ke-37 pada 25 Jun 2011, Temasek Holdings (Private) Limited ("Temasek") menamakan dua endowmen sedia ada di bawah Temasek Cares sempena dua warga Singapura, mendiang dermawan Dr Ee Peng Liang, dan mendiang bekas Menteri Negara Kanan, Dr Balaji Sadasivan, untuk memberi penghormatan kepada peranan dan sumbangan mereka dalam perkhidmatan sosial dan penjagaan kesihatan.

Peruntukan sebanyak \$35 juta Endowmen Ee Peng Liang dan \$35 juta Endowmen Balaji Sadasivan telah dikenalpasti untuk pembinaan keupayaan yang berkeperluan khas dan sektor penjagaan kesihatan berturutan.



Gambar disediakan oleh: Temasek

Temasek Cares telah menyokong sektor berkeperluan khas dan penjagaan kesihatan di bawah kedua-dua Endowmen ini. Bagi sektor berkeperluan khas, Temasek Cares telah menyumbang lebih \$1.3 juta untuk anugerah pengajian bagi ahli terapi dan guru-guru intervensi (bantuan) awal, serta untuk menyokong para pelajar yang memerlukan bantuan pembelajaran dan pembangunan diri di Sekolah NorthLight dan Sekolah Assumption Pathway.

Dalam sektor penjagaan kesihatan, satu jumlah yang sama telah disalurkan ke anugerah pengajian untuk ahli terapi dan jururawat, serta untuk merintis 2 program baru pemulihan masyarakat. Program 'Ageing in Place@Tanjong Rhu' menyediakan perkhidmatan pemulihan masyarakat dan penjagaan rumah untuk warga tua uzur di dalam estet. Satu lagi program perintis membina keupayaan dan kesediaan pusat-pusat pemulihan harian melalui penggunaan alat-alat pemulihan bantuan teknologi.



ANALISIS PENGURUSAN

Dalam tahun ketiga kami, tahun kewangan 2011/2012, TC telah komited geran sebanyak \$3.33 juta untuk menyokong 15 buah program yang membantu memperbaiki kehidupan individu, keluarga dan masyarakat di Singapura.

Temasek Cares (TC) telah dilancarkan pada Jun 2009. Pada tahun kewangan 2009/2010, TC komited sebanyak \$1.68 juta geran untuk menyokong sebanyak 5 buah program yang dapat membantu lebih daripada 1,200 orang penerima bantuan langsung. Dalam tahun kewangan 2010/2011, kami komited sebanyak \$3.07 juta kepada 15 buah program untuk membantu lebih daripada 3,000 orang penerima bantuan langsung.

Dalam tahun ketiga kami, tahun kewangan 2011/12, TC telah komited geran sebanyak \$3.33 juta untuk menyokong 15 buah program yang membantu memperbaiki kehidupan individu, keluarga dan masyarakat di Singapura. Geran yang telah diambil daripada 3 endowmen di bawah TC, iaitu Endowmen Utama (\$100 juta), Endowmen Berkeperluan Khas (\$35 juta) dan Endowmen Penjagaan Kesihatan (\$35 juta).

Pada tahun ini, Endowmen Keperluan Khas dan Endowmen Penjagaan Kesihatan masing-masing telah dinamakan semula sebagai Endowmen Ee Peng Liang dan Endowmen Balaji Sadasivan berturutan. Endowmen ini telah didedikasikan untuk kedua-dua individu yang cemerlang dalam mengingati sumbangan sosial mereka yang banyak kepada Singapura. Endowmen ini telah diperuntukkan untuk membina keupayaan sektor masing-masing.

TC terus memberi tumpuan kepada menghubungkan rakan kerja dan masyarakat. Kami melibatkan banyak pemimpin masyarakat, pentadbir sektor, institusi dan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (VWO) untuk

membantu mengenal pasti keperluan baru dan yang baru muncul dan bagi membangun program-program perintis yang akan membawa kesan sosial. Kami menggalakkan dan membentuk usaha kerjasama yang mampu untuk memberikan perkhidmatan bersepadu yang memenuhi keperluan menyeluruh (holistik) bagi yang kurang bernasib baik. Pendekatan pelbagai agensi ini yang membawa bersama-sama rakan kerja utama untuk memberikan penyelesaian dengan hasil-hasil bermakna.

Beberapa contoh pendekatan 'sindiket' ini termasuk Temasek Cares – iCommunity@North, yang menyatukan pelbagai penjagaan kesihatan dan agensi-agensi perkhidmatan sosial untuk membentuk rangkaian kesihatan mental yang bersepadu. Program-program EQUAL (Equine- Bantuan Pembelajaran) dan Temasek Cares – EQUATE (Equine-Bantuan Latihan dan Pekerjaan) yang menghubungkan Equestrian Federation of Singapore bersama sekolah dan VWO untuk membantu golongan belia dan orang dewasa yang kurang bernasib baik. Agency for Integrated Care memeterai usaha kerjasama penyelidikan dan pembangunan dengan Singapore Polytechnic untuk mengautomasi dan menaik taraf alat-alat pemulihan di pusat-pusat pemulihan harian.

Sebagai pemangkin, TC menyokong banyak program yang merintis model baru penjagaan atau telah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan yang baru timbul. Sepanjang tahun lalu, beberapa program mendapatkan peralihan pembiayaan dari TC kepada sokongan aliran utama. Sebagai contoh ialah program

ANALISIS PENGURUSAN

Temasek Cares – SPICE yang menyediakan penjagaan masyarakat untuk warga tua sebagai alternatif kepada penjagaan di rumah penjagaan. Model perintis sejak itu telah mendapat pembiayaan dari aliran utama dan telah direplikasikan di tiga lokasi lain. Bagi program-program yang sedang dilaksanakan, TC terus memantau kemajuan dan hasil mereka. Rakan Kerja dikehendaki untuk mengemukakan laporan tetap mengenai penggunaan dana, pelaksanaan program serta pengeluaran dan penghasilan.

Perbelanjaan Operasi dan Modal berjumlah sebanyak 12% daripada jumlah perbelanjaan bagi tahun ini. Ini adalah tidak berubah dari tahun sebelumnya. Perbelanjaan disebabkan oleh pemindahan TC ke i2Hub. Hab baru ini memenuhi keperluan organisasi dermawan dan yang tidak mencari untung yang berlaku kerana ruang dari The Atrium @ Orchard telah dikurangkan. Kami tetap berhati-hati untuk memastikan perbelanjaan operasi didalam garis had kurang daripada 15% daripada jumlah perbelanjaan.

Melangkah ke hadapan, TC menjangka geran program akan meningkat bagi tahun akan datang. Kami akan terus bekerja rapat dengan Rakan Kerja kami untuk mengenal pasti keperluan masyarakat dan melaksanakan program-program yang memberi kesan sosial.

Pasukan Pengurusan

Woon Saet Nyoon, *Pengurus Besar*

Kee Kirk Chuen, *Penolong Pengurus Besar*

Senarai Program & Butiran Perhubungan

Temasek Cares – iCommunity@North

Agency for Integrated Care

Tel: 6603 6800, Email: enquiries@aic.sg

EQUAL & Temasek Cares – EQUATE

Equestrian Federation of Singapore, Tel: 6466 4123

Perkhidmatan Perlindungan Krisis untuk Wanita dan Kanak-kanak Didera

Casa Raudha Women Home

Email: enquiry@casaraudha.org

Membina Keupayaan dan Kemampuan Pusat-Pusat Pemulihan Hari Melalui Terapi Bantuan Teknologi

Agency for Integrated Care

Tel: 6603 6800, Email: enquiries@aic.sg

Program Sekolah Northlight

Northlight School, Tel: 6580 6490

Program Sekolah Assumption Pathway

Assumption Pathway School, Tel: 6879 3900

Perkhidmatan Sokongan Pekerjaan untuk Graduan Sekolah Metta

Metta Welfare Association, Tel: 6580 4688

Education Trust Fund / Temasek Cares – Bimbingan Akademik dan Kemahiran Hidup

Yayasan MENDAKI, Tel: 6245 5786

Temasek Cares – IMPACTT

KK Women's and Children's Hospital, Tel: 6337 7646

Temasek Cares – Projek Membina Keupayaan Healthcare

Agency for Integrated Care

Tel: 6603 6800, Email: enquiries@aic.sg

Temasek Cares – Projek Pembangunan Keupayaan yang Berkeperluan Khas

National Council of Social Service, Tel: 6210 2657


TAHUN KEWANGAN 2011/2012



\$3.33 juta
Geran Program



15
Program




3,750
Penerima Bantuan



12%
Ratio Perbelanjaan

Sorotan 3 Tahun

■ 2009 ■ 2010 ■ 2011



Temasek Cares CLG Limited

Co Regn No. 200909154Z

60B Orchard Road #06-18 Tower 2

The Atrium@Orchard

Singapore 238891

Tel: (65) 6828 8752

Fax: (65) 6828 8652

www.temasekcares.org.sg

Dicetak atas bahan mesra alam.